



KAEDAH hidroponik digunakan untuk penanaman pada rak dekoponix.

RAK dekoponix mudah untuk dipasang dan ditanggalkan.



alir tenggelam iaitu teknik hidroponik dengan air sentiasa berputar dan akar tanaman tenggelam dalam air yang mengalir di dalam rak.

Set dekoponix disertakan kit keperluan untuk penanaman iaitu kapas, biji benih dan media hidroponik.

Antara jenis tanaman yang sesuai untuk ditanam ialah sawi, salad, kangkung, bayam merah dan pegaga.

Selain itu, dekoponix bukan sahaja boleh ditempatkan di ruang terhad tetapi mudah dialihkan kerana memiliki roda.

Khairul Aidil Azlin memberitahu, ketika melakukan penyelidikan untuk menghasilkan produk itu, mereka turut memikirkan tentang kelestarian alam sekitar pada masa hadapan.

#### Kitar semula

"Bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk ini ialah polipropilena yang boleh dikitar semula.

"Tujuan kami menggunakan bahan ini

ialah ia mudah untuk dilupus jika tidak digunakan kelak," jelasnya.

Tambahnya, pasukan penyelidik turut mereka cipta beberapa prototaip rak dekoponix.

Rekaan prototaip itu dibawa ketika pameran inovasi yang berlangsung dan dari situ, mereka mendapat maklum balas daripada orang ramai untuk penambahbaikan sebelum dikomersialkan.

Produk itu telah memenangi beberapa anugerah termasuk pingat emas pada Ekspo Teknologi Malaysia 2017, Anugerah Harta Intelek Negara 2016 dan pemenang Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera.

Mereka mengambil masa sekitar satu tahun untuk menghasilkan rak dekoponix yang berkualiti dan mesra pengguna.

Setelah mendapat hak paten, rak dekoponix itu telah berada di pasaran.

Harga yang ditawarkan untuk satu set rak dekoponix adalah RM700.



PEMASANGAN rak dekoponix amat mudah untuk dilakukan.

#### INFO Dekoponix

- **Penyelidik:** Prof Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman, Dr. Mohd. Shahrizal Dolah dan Mohd. Hafiz Talib
- **Anugerah:** Pingat emas pada Expo Teknologi Malaysia 2017, Anugerah Harta Intelek Negara 2016 dan pemenang Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera
- **Instagram:** Dekoponix
- **Facebook:** [www.facebook.com/dekoponix](http://www.facebook.com/dekoponix)

## UPM komited terhadap penggalakan budaya inovasi

SEBAGAI salah satu universiti penyelidikan terkemuka negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) komited dan senantiasa menghasilkan produk-produk inovasi dari semasa ke semasa.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pembudayaan inovasi dalam kalangan warga UPM merupakan satu proses yang telah berlaku sejak sekian lama.

Pada peringkat awal, UPM telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai entiti dan universiti terkemuka yang terkenal dengan budaya inovasi mereka.

Menurutnya, menerusi pelbagai program dan latihan yang diadakan, lebih 200 orang pensyarah UPM telah diangkat sebagai 'juara

inovasi' atau Innovations Champions di UPM.

Mereka inilah yang membentuk nukleus pencetus idea dan penggerak utama budaya inovasi di universiti tersebut.

"Komitmen pentadbir UPM terhadap penggalakan budaya inovasi ini dizahirkan melalui pembangunan ekosistem 'subur-inovasi'.

"Terdapat pelbagai geran, dana, insentif, anugerah serta perkhidmatan sokongan untuk penghasilan dan pembangunan inovasi, pemfailan harta intelek, promosi inovasi sehingga kepada peringkat pengkomersialan.



AINI

"Ketrampilan UPM menerusi aspek ini telah mendapat pelbagai pengiktirafan berbentuk pelbagai anugerah serta ranking dalam dan luar negara," katanya.

Tambahnya, menyedari pelajar adalah tunas potensi yang perlu digilap, UPM memastikan bakat mereka dipupuk dan diberi kepercayaan.

Ia tidak hanya membawa inovasi mereka ke tengah, bahkan membangunkan perniagaan berasaskan inovasi dan teknologi yang dicipta bersama pensyarah.

Aini berkata, usaha itu dilaksanakan menerusi program

Innohub di UPM.

"Di Innohub, para pelajar dibimbing untuk mengenal pasti potensi perniagaan bagi inovasi yang telah dihasilkan di UPM.

"Program ini adalah komprehensif, merangkumi kajian validasi pasaran, pembangunan canvas perniagaan.

"Perkara paling utama adalah sesi *pitching* kepada pemberi dana atau pelabur berpotensi agar perniagaan yang telah dibangunkan dapat direalisasikan," jelasnya.

Tambahnya, sehingga kini, terdapat projek-projek dalam Innohub yang telah mencapai produksi dan jualan pada skala industri dengan jumlah himpunan kapital hampir RM5 juta.